

ASWARA 'sapu habis'

■ Menang 10 anugerah termasuk filem terbaik pada FFVMPM10

Oleh Nor Adila Ab Kadir
am@mediaprima.com.my
Nilai

Filem pendek bertajuk *Mimpi Mah Meri* yang dihasilkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) mencatat sejarah apabila berjaya mengungguli Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-10 (FFVPM10) dengan memenangi sepuluh dari 19 anugerah yang dipertandingkan.

ASWARA bukan saja menang besar, malah membolot sembilan trofi termasuk Anugerah Khas Juri dan turut menjadi juara bagi kategori Skrip Dokumentari Terbaik dengan mempertaruhkan dokumentari bertajuk *Orang Kotak*.

Pengarah *Mimpi Mah Meri*,



CHEE BOON (tiga dari kanan) teruja apabila diumumkan sebagai pemenang pada FFVPM10.

Yu Chee Boon, 27, berkata dia tidak menyangka hasil kerjanya diangkat sebagai pemenang dan berbangga dengan pengiktirafan yang diperolehi hasil penat lelah bersama rakan lain.

Menurutnya, dia menghabiskan hampir tiga bulan untuk menghasilkan skrip yang berkualiti dengan mengambil konsep drama tari sebagai penyampaian mesej yang berunsurkan penindasan terhadap golongan wanita yang pernah berlaku satu

ketika dulu.

"Mengetengahkan suku kaum Mah Meri sebagai subjek utama bukan satu kerja mudah kerana suku kaum ini amat terkenal dengan seni budaya mereka yang tersendiri, tetapi saya berbangga kerana kami berjaya menghasilkan filem ini sekali gus menang besar dalam FFVPM10 kali ini," katanyaketika ditemui di Stadium Tertutup Nilai, di sini, kelmarin.

Pengarah cinematografi filem berkenaan, Abdol Monir

Morad, 22, berkata, festival filem itu sangat bagus kerana ia menjadi satu platform terbaik kepada generasi muda untuk bersaing dan merencanakan lagi dunia seni tanah air dalam menghasilkan filem lebih kreatif dan bermutu.

Sementara itu, Pemenang Skrip Dokumentari Terbaik, Nur Hafizah Hadi, 20, menyifatkan kemenangannya kali ini sebagai satu ganjaran setimpal dalam penghasilan skrip ini.

"Menulis skrip dokumentari bukan mudah kerana ia mencabar minda untuk menghasilkan skrip yang orang suka dan ingin lihat," katanya.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah bagi FFVPM10 memertandingkan 19 kategori bertujuan menyediakan platform dan mengiktiraf hasil kerja pelajar yang terbahit dalam bidang komunikasi, penyiaran, perfileman dan multimedia.